

Headline **Kenderaan teknologi hijau**
Date **10 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **Rosniza Md Taha**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **5**
Article Size **387 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,209**
PRValue **24,627**



Kenderaan teknologi hijau

Penyelidik Unimas cipta Automotor gabung fungsi kereta, motosikal

Rosniza Md Taha

RUPA bentuk pepadung menjadi ilham penyelidik Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mencipta Automotor, kenderaan elektrik berteknologi hijau, menggabungkan fungsi motosikal dan kereta.

Penyelidik Unimas, Dr Saiful Bahari Mohd Yusoff, berkata inovasi itu mewujudkan segmen baru kenderaan untuk kegunaan peribadi dan komersial.

Beliau berkata, konsep teknologi hijau dan mesra alam itu menampilkan ciri unik kenderaan menerusi penggunaan sumber tenaga elektrik serta bahan buangan sagu dan plastik polikarbonat dalam rekaannya.

"Kenderaan beroda empat ini boleh dipelbagaikan fungsinya kerana rekaannya fleksibel. Penumpang berada di bahagian belakang kenderaan, manakala penumpang di depan.

"Apabila hujan, kenderaan boleh ditutup sepenuhnya menggunakan pintu *wind screen* besar, membolehkan pemandunya dilindungi.

"Jika tiada penumpang, bahagian depan kenderaan dijadikan ruang menyimpan barang. Ciptaan ini dimanfaatkan untuk tujuan komersial seperti menghantar makanan segera," katanya

ketika ditemui pada Pameran Rekaan, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) ke-21

di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

Saiful Bahari berkata, sumber tenaga elektrik digunakan antara ciri mesra alam Automotor kerana tidak mengeluarkan asap yang mencemarkan udara.

Katanya, bateri lithium ion digunakan kenderaan itu membolehkan ia bergerak pada kelajuan 80 kilometer (km) sejam. Bateri hanya perlu dicaj semula selama tiga jam untuk perjalanan kira-kira 100 km.

Disokong struktur rangka yang kukuh, bahan digunakan bagi membina badan kenderaan setinggi 1.4 meter (m), panjang 3m serta keluasan 1.6 m itu, katanya, adalah plastik polikarbonat yang turut digunakan untuk membuat botol air mineral.

"Struktur dalaman Automotor juga memanfaatkan bahan buangan sagu yang banyak terdapat di Sarawak

termasuk untuk komponen serapan bunyi serta panel lantai kenderaan," katanya.

Beliau berkata, prototaip Automotor dijangka siap pada 2012 menerusi geran diterima daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta kerjasama jurutera pembangunan produk Mimos Berhad, Saharudin Busri.

Selain memenangi pingat perak pada ITEX ke-21, Automotor juga menerima hadiah

sagu hati sempena Pertandingan Reka Bentuk Malaysia tahun lalu.

“Kenderaan beroda empat ini boleh dipelbagaikan fungsinya kerana rekaannya fleksibel. Penumpang berada di bahagian belakang kenderaan, manakala penumpang di depan”

Saiful Bahari Mohd Yusoff
Penyelidik Unimas



SAIFUL BAHARI (kanan) dan Saharudin menunjukkan model konsep rekaan Automotor yang dipertandingkan pada ITEX ke-21 di KLCC, baru-baru ini.

Headline **Kenderaan teknologi hijau**
Date **10 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **Rosniza Md Taha**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **5**
Article Size **387 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,209**
PRValue **24,627**



AUTOMOTOR mewujudkan segmen baru kenderaan yang boleh digunakan untuk tujuan peribadi dan perniagaan.